

**PENGHASILAN TRANSPARENSI BERKONSEPKAN PETA MINDA MATA
PELAJARAN P 420 UNDANG-UNDANG SYARIKAT DI POLITEKNIK**

SARAWATI BINTI AHMAD

**Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

FEBRUARI 2004



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Kasih seharum mawar buat...

Bonda Jamilah Binti Ismail

Kasih sayang dan pengobananmu tidak terbalas dengan harta dan nyawa

Kajayaan ini hadiah buat dirimu...

Buat yang sentiasa di hati...

Kakak-kakakku, abang-abangku, adikku, dan anak-anak saudaraku

Doa, dorongan dan kasih kalian penguat jiwaku...

Mekar sepanjang zaman...

Nor, Jaja, Didi, Kak Hasha, Ika, Da, Imah, Asma' dan rakan-rakan seperjuangan

Kenangan bersama kalian akan dikenang selamanya...



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan ucapan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, En. Md. Akbal Bin Abdullah di atas segala ilmu, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan sepanjang menjalankan projek ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Abdul Aziz bin Abdullah, pensyarah mata pelajaran Undang-undang Syarikat di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan yang telah memberikan kerjasama bagi menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada para pelajar Diploma Akauntansi semester 5 Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan di atas kerjasama yang diberikan.

Penghargaan juga ditujukan buat pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO di atas segala ilmu yang telah dicurahkan. Akhir sekali penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga semuanya diberkati oleh Allah s.w.t hendaknya... Inshaallah.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai kesesuaian penggunaan transparensi berkonsepkan peta minda sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) bagi mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat. Kajian ini melibatkan proses menghasilkan transparensi berkonsepkan peta minda (TBPM) dan melihat persepsi serta pengaruhnya terhadap pelajar. Sampel kajian terdiri dari pelajar Diploma Akauntansi semester 5, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan. Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian "*Statistical Package For Social Science*" (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan penghasilan TBPM ini mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu nilai skor min 3.88 bagi objektif pertama berkenaan persepsi pelajar terhadap penggunaan TBPM di dalam kelas. Manakala objektif kedua mengenai pengaruh motivasi ke atas pelajar menunjukkan nilai skor min 3.81 dan yang terakhir berkenaan kesesuaian ciri-ciri peta minda yang digunakan diwakili oleh nilai skor min sebanyak 4.09.



ABSTRACT

The purpose of this study is to evaluate transparency based on mind mapping concept (TBMMC) as a tool in teaching and learning activities for subject P420 Undang-undang Syarikat. This research shows the process of producing the TBMMC. It is focusing to know about perception and influence on student motivation to learn this subject. Accountancy student in semester 5 that taken diploma at Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan become the respondent in this research. Questionnaires as an instrument and all the data were analyzed using "*Statistical Package For Social Science*" (SPSS) software. The overall result showed in value of mean scale for the first objective about student perception on using TBMMC in classroom has 3.88. There are 3.81 in second objective about influence in student motivation. According to the result, characteristic of mind mapping are suitable to used in TBMMC where 4.09 were show.



PTAM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Tujuan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8

1.6	Soalan Kajian	8
1.7	Kerangka Teori	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop Kajian	10
1.10	Definisi Istilah	11
1.11	Kesimpulan	12
BAB II	SOROTAN KAJIAN	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Media Dalam Pendidikan	15
2.3	Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran	16
2.4	Transparensi Sebagai ABBM Dalam Pendidikan	17
2.4.1	Kebaikan Menggunakan Transparensi	18
2.4.2	Kelemahan Menggunakan Transparensi	19
2.5	Konsep Peta Minda	20
2.5.1	Pembinaan Peta Minda	22
2.5.2	Kelebihan Penggunaan Peta Minda	23
2.5.3	Kegunaan Peta Minda	25
2.5.4	Penyelidikan Penggunaan Peta Minda	25
2.6	Kesimpulan	28
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Populasi Kajian	30
3.4	Sampel Kajian Dan Kaedah Pemilihan Sampel	31
3.5	Instrumentasi Kajian	32
3.5.1	Kajian Rintis	33
3.6	Kronologi Kajian	35
3.7	Kaedah Analisis Data	36



3.8	Andaian Kajian	37
3.9	Limitasi Kajian	38
BAB IV	REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK	39
4.1	Pengenalan	39
4.2	Latar Belakang Penghasilan Produk	39
4.3	Rekabentuk Produk	41
4.3.1	Bentuk Dan Ciri-ciri Produk	41
4.3.2	Kronologi Penghasilan Produk	43
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	45
4.3.4	Bahan-bahan Membina Produk	45
4.3.5	Kos Membina Produk	46
4.4	Kelebihan TBPM	47
BAB V	ANALISIS DATA	48
5.1	Pengenalan	48
5.2	Pengumpulan Responden	48
5.3	Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Pengaplikasian TBPM Dalam Mata Pelajaran P420 Undang-undang Syarikat	49
5.4	Analisis Terhadap TBPM Dalam Mempengaruhi Motivasi Pelajar Untuk Belajar	55
5.5	Analisis Terhadap TBPM Dari Aspek Gaya Persembahan Isi Kandungan	59
BAB VI	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	62
6.1	Pengenalan	62
6.2	Perbincangan	63
6.3	Kesimpulan	66

6.3.1	Persepsi Pelajar Terhadap Pengaplikasian TBPM Dalam Mata Pelajaran P420 Undang-undang Syarikat	67
6.3.2	Penggunaan TBPM Dalam Mempengaruhi Motivasi Pelajar Untuk Belajar	67
6.3.3	Penilaian TBPM Dari Aspek Gaya Persembahan Isi Kandungan	68
6.4	Cadangan	68
6.4.1	Pensyarah Politeknik	68
6.4.2	Pelajar Politeknik	69
6.4.3	Cadangan Berkaitan Kajian Lanjutan	69
6.5	Rumusan	69
6.6	Penutup	71

RUJUKAN

72

LAMPIRAN

76



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bahagian-bahagian Soalan.	32
3.2	Skala Pemeringkatan Likert.	33
3.3	Jadual Tafsiran Nilai Skor Min Dan Tahap Penerimaan Responden.	37
5.1	Persepsi Pelajar Terhadap Pengaplikasian TBPM Dalam Mata Pelajaran P420 Undang-undang Syarikat.	49
5.2	Penggunaan TBPM Dalam Mempengaruhi Motivasi Pelajar Untuk Belajar.	55
5.3	Penilaian TBPM Dari Aspek Gaya Persembahan Isi Kandungan.	59



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori.	9
2.1	Model Guru Dan Media.	16
2.2	Model Penggunaan Media	17
3.1	Kronologi Kajian	35
4.1	Kronologi Penghasilan Produk	43
5.1	Kesukaran Mengikuti Proses Pembelajaran Dengan Penggunaan TBPM Sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar	51
5.2	Pembelajaran Berbantuan TBPM Lebih Berkesan Daripada Penggunaan Transparensi Biasa	52
5.3	Teknik Persembahan Berasaskan Peta Minda Memberi Gambaran Konsep Yang Jelas	53
5.4	Responden Lebih Faham Jika Kuliah Disampaikan Menggunakan TBPM.	54
5.5	Penggunaan TBPM Mengurangkan Kebosanan.	56
5.6	Gambar Yang Digunakan Membantu Menjelaskan Konsep	58
5.7	Teks Yang Digunakan Bagi Huraian Isi, Ringkas Dan Mudah Difahami.	60

SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
TBPM	-	Transparensi Berkonsepkan Peta Minda



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A	Borang soal Selidik
B	Keputusan Alpha Cronbach Kajian
C	Descriptive Statistics
D	Salinan Produk



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan sama ada dari segi kurikulum mahupun teknik P&P. Penggunaan teknologi pendidikan kini diharap dapat melahirkan para pelajar yang memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil perkembangan ini memerlukan para pendidik menjadi lebih bijak dalam menyesuaikan kaedah P&P serta pemilihan alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang terbaik.

Bentuk pengajaran yang disampaikan akan menentukan keberkesanan P&P. Penggunaan ABBM dalam proses tersebut harus diberi tumpuan yang khusus. Aspek yang perlu dititik beratkan dalam penggunaan ABBM adalah keberkesanan alat tersebut serta kesesuaian cara persembahan isi kandungan mata pelajaran.

Proses menyediakan alatan dan keperluan ABBM yang berasaskan komputer di politeknik-politeknik di Malaysia masih lagi di peringkat awal. Bagi mengatasi kekurangan ini, visual kaku tayang seperti transparensi masih lagi digunakan secara meluas sebagai ABBM di kalangan pensyarah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perkembangan dalam teknologi pendidikan membawa kepada pengenalan pelbagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang canggih melalui proses pembaharuan dan penambahbaikan ABBM yang sedia ada. Peralihan daripada proses P&P secara tradisi kepada penggunaan ABBM seperti media elektronik dan bukan elektronik merupakan satu kemajuan dalam bidang pendidikan. Penggunaan media seumpama ini merupakan sebahagian daripada teknologi pendidikan dalam meningkatkan keberkesanan proses P&P.

Menurut Baharuddin Aris *et al.*, 2000, teknologi pendidikan merupakan satu proses yang sistematik dan menyeluruh dari peringkat merekabentuk, pelaksanaan dan penilaian proses P&P yang menggunakan peralatan yang berteknologi tetapi turut melibatkan sumber manusia.

Jelas di sini menunjukkan bahawa aktiviti P&P sekarang seharusnya dapat menjana minda dan kreativiti individu. Oleh itu sistem sokongan yang sistematik dan bersepadu seperti penggunaan *overhead projektor* (OHP) dan transparensi, cakera padat serta perisian komputer perlu digunakan bagi menyokong aktiviti P&P.

Menurut Mohd. Nazri (2003), walaupun penggunaan komputer di dalam bidang pendidikan amat penting dan memberi impak yang positif, namun penggunaannya masih di tahap yang minimum sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Penggunaan kaedah '*chalk and talk*' atau penerangan dan penulisan di papan tulis masih lagi dianggap sebagai kaedah terbaik di dalam menyampaikan proses P&P. Dalam konteks pembelajaran di institusi tinggi seperti politeknik, walaupun penggunaan papan tulis masih lagi digunakan tetapi penggunaan teknologi tidak diabaikan oleh para pensyarah. Walaupun penggunaan *overhead projektor (OHP)* mengandungi unsur teknologi tetapi penggunaannya yang pelbagai masih boleh disamakan dengan penggunaan papan tulis. Penggunaan papan tulis boleh digantikan dengan transparansi dan kapur tulis digantikan dengan pen transparansi.

Dalam proses P&P, pemahaman dan ingatan terhadap isi perbincangan sesuatu mata pelajaran yang diajar seharusnya bergerak bersama-sama. Matlamat penggunaan ABBM wajar mengambilkira tahap ingatan pelajar terhadap isi pembelajaran terutama yang melibatkan penggunaan formula dan fakta-fakta penting. Kaedah persembahan isi mata pelajaran dalam ABBM yang digunakan perlu sesuai dengan objektif P&P.

Penggunaan grafik, audio, video, cd interaktif dan sebagainya sangat sesuai digunakan dalam mempersembahkan kandungan isi P&P. Penggunaan bahan seperti ini mudah difahami dan mampu memotivasikan pelajar disebabkan wujudnya jalinan warna yang menarik, bunyi, dan animasi yang menghiburkan pelajar.

Warna digunakan bagi mengenal pasti sesuatu dengan pantas. Menurut Norihan Abu Hassan (1997), warna lebih disukai dalam pembelajaran oleh kerana ia memberi dorongan dan boleh menumpukan perhatian. Warna juga boleh digunakan sebagai satu simbol seperti warna merah yang membawa maksud berhenti dalam isyarat lalu lintas. Namun begitu, pemilihan warna yang sesuai adalah sangat penting dan bilangan warna yang digunakan tidak perlu terlalu banyak. Penggunaan warna

yang berlebihan dan tidak sesuai boleh mengganggu serta memberi kesan negatif kepada pengguna. Kebiasaannya warna yang digunakan tidak melebihi empat warna pada satu slaid atau tayangan dan warna yang dipilih selalunya warna lembut dan selesa dipandang. Kombinasi warna yang tidak serasi perlu dielakkan seperti merah dengan hijau, biru dengan kuning, hijau dengan biru dan biru dengan merah kerana kombinasi ini tidak selesa dipandang (Yusup Hashim, 2002).

Bunyi biasanya digunakan untuk memberi ganjaran, peringatan atau amaran. Integrasi bunyi ke dalam aplikasi multimedia boleh memberi pengguna maklumat lain yang tidak mampu diberikan oleh media lain. Ini kerana sesetengah maklumat tidak dapat disampaikan dengan berkesan tanpa bantuan bunyi. Selain itu penggunaan bunyi juga dapat meningkatkan pemahaman pengguna ke atas maklumat yang ingin disampaikan. Contohnya suara latar digunakan untuk menerangkan animasi yang ditayangkan. Menurut Jamalludin Harun *et al.*, (2000) bunyi merupakan satu cara yang paling berkesan bagi menarik perhatian pengguna.

Animasi ialah pergerakan yang dibuat ke atas sesuatu imej, teks atau gambar kaku. Animasi sangat berguna dalam memberi ilustrasi konsep-konsep yang sukar untuk diilustrasikan menggunakan gambar biasa dan juga melalui teks. Pembangunan animasi terbahagi kepada dua jenis iaitu animasi 2-D dan animasi 3-D. Animasi juga turut membantu menarik minat pengguna dengan penggunaan *ikon-ikon* dalam pelbagai bentuk dan rupa yang bergerak.

Namun begitu dalam kebanjiran penggunaan ABBM yang berteraskan teknologi berbantuan komputer, pembelajaran secara konvensional masih diperlukan. Peranan pensyarah sebagai penerang masih diperlukan bagi sesetengah mata pelajaran yang abstrak dan memerlukan penerangan yang lebih jelas mengenai konsep dan aplikasi dalam kehidupan sebenar. Begitu juga dengan mata pelajaran yang melibatkan kemahiran kognitif seperti pengiraan yang melibatkan konsep, rumus dan langkah penyelesaian yang berperingkat. Hakikatnya pensyarah perlu

menerangkan kaedah penyelesaian langkah demi langkah mengikut kesesuaian dan kefahaman pelajar. Jadi penggunaan transparensi sebagai ABBM masih lagi sesuai digunakan terutama bagi menampung masalah kekurangan peralatan dan kemudahan mengakses ABBM yang berasaskan teknologi. Malah dalam apa keadaan pembelajaran sekali pun, peranan pensyarah masih lagi penting sama ada sebagai penerang mahupun sebagai pembimbing.

Berdasarkan kepada pengalaman pengkaji, pengajaran mata pelajaran yang berbentuk abstrak dan mempunyai banyak fakta-fakta yang perlu diingati dan difahami kerap kali disampaikan secara konvensional iaitu pensyarah sebagai penyampai. Manakala transparensi sebagai ABBM yang digunakan sekadar mempamerkan isi-isi bab yang akan dibincangkan dalam bentuk tulisan atau karangan pendek yang sememangnya telah pun ada di dalam modul atau buku rujukan pelajar. Ini menjadikan pelajar cepat menjadi bosan dan hilang tumpuan di dalam kelas disebabkan cetakan teks yang terlalu banyak dan meleret (Baharudin Aris *et al.*, 2000).

Salah satu cara bagi menangani masalah ini ialah melakukan pengubahsuaian dalam bentuk persembahan ABBM pensyarah mengikut kesesuaian keadaan, tempat dan peralatan yang sedia ada. Di samping menggunakan ABBM sebagai medium yang membantu pelajar memahami isi pelajaran, ia juga mampu menarik perhatian pelajar serta dapat menjana minda pelajar ke arah pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif.



1.3 Pernyataan Masalah

Pergerakan yang pantas dalam teknologi telah membawa perubahan dalam teknologi pendidikan. Jika dahulu kaedah pengajaran konvensional adalah kaedah utama dalam proses P&P, tetapi pada hari ini pelbagai kaedah pengajaran yang berasaskan teknologi telah berkembang dengan pesat. Walaupun penggunaan transparenasi kelihatan seperti ketinggalan zaman dengan wujudnya pelbagai media pengajaran yang berasaskan teknologi, sebenarnya ia telah digunakan secara meluas sejak dahulu lagi dalam aktiviti P&P di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Dalam dekad ini, penggunaan transparenasi masih lagi relevan disebabkan sifatnya yang mudah untuk disediakan, murah, dan sesuai digunakan untuk persembahan yang mempunyai bilangan penonton yang ramai. Transparenasi bertindak sebagai alternatif bagi institusi pengajian yang masih lagi dalam proses menyediakan peralatan-peralatan bagi mengakses lain-lain media pengajaran yang berasaskan teknologi. Jika dibandingkan kos menyediakan peralatan seperti pembinaan makmal komputer berangkaan, penyediaan *Liquid Crystal Display* (LCD) dan komputer dalam bilik kuliah adalah lebih mahal dan mengambil masa untuk menyediakan kelengkapan tersebut secara keseluruhannya berbanding penyediaan *projektor overhead* (OHP) untuk menayangkan transparenasi di atas layar.

Dalam sesetengah keadaan, isi kandungan pengajaran dalam ABBM pensyarah yang dipersembahkan dalam bentuk ayat-ayat panjang adalah tidak sesuai digunakan di dalam kelas (Abd. Fatah Hassan, 2002). Masa banyak terbuang untuk mencari isi penting dari maklumat yang dibaca atau didengar. Oleh itu selain bijak memilih ABBM yang sesuai untuk digunakan dalam proses P&P, pensyarah perlu memikirkan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar terhadap isi pengajaran yang ingin disampaikan. Ini termasuklah gaya penyampaian sama ada melalui kuliah biasa tanpa ABBM atau memberi kuliah dengan bantuan ABBM, perbincangan antara kumpulan, atau pembentangan isi oleh pelajar sendiri kepada kesemua ahli kelas.

Kebijaksanaan pensyarah untuk memilih kaedah penyampaian yang sesuai sangat penting bagi meningkatkan kefahaman pelajar seterusnya mencapai objektif pengajaran.

Selain itu persembahan isi dalam ABBM khususnya transparensi yang menggunakan ayat-ayat panjang bagi mata pelajaran yang bersifat sastera adalah tidak sesuai kerana isi pengajaran telahpun ada dalam modul atau buku rujukan pelajar. Seandainya pensyarah juga turut mempersembahkan isi pengajaran dalam bentuk ini dan tidak berbeza dengan cara persembahan di dalam buku rujukan, ini menjadikan pelajar sukar untuk mengenalpasti idea yang ingin disampaikan secara keseluruhannya. Idea yang ingin disampaikan oleh pensyarah telah dikaburkan oleh penerangan yang panjang lebar. Sewajarnya pelajar perlu tahu perkara atau idea yang ingin disampaikan di samping dapat mengenalpasti antara idea utama dengan idea sokongan. Selain itu, persembahan isi pengajaran dalam ABBM yang digunakan oleh pensyarah seharusnya dapat meningkatkan kefahaman pelajar.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menghasilkan transparensi berkonsepkan peta minda (TBPM) bagi mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat. Pengkaji ingin memperkenalkan TBPM sebagai ABBM di dalam proses P&P di politeknik.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan dan mengkaji kebolegunaan transparensi berkonsepkan peta minda sebagai ABBM dalam mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat bagi pelajar-pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Pahang).

1.5 Objektif Kajian


- i) Menghasilkan transparenasi berkonsepkan peta minda (TBPM) bagi mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat.
- ii) Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pengaplikasian TBPM dalam mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat.
- iii) Mengenalpasti sama ada penggunaan TBPM mempengaruhi motivasi pelajar dalam mempelajari mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat.
- iv) Mengenalpasti sama ada gaya persembahan isi kandungan TBPM menepati ciri-ciri peta minda.

1.6 Soalan Kajian

- i) Adakah persepsi pelajar terhadap pengaplikasian TBPM dalam mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat?
- ii) Adakah penggunaan TBPM mempengaruhi motivasi pelajar dalam mempelajari mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat?
- iii) Adakah gaya persembahan isi kandungan TBPM yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri peta minda?



1.7 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Kajian ini adalah berdasarkan kepada proses yang dicadangkan oleh Biggs dan Tefler (1987) dan telah diubahsuai oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian ini. Proses ini mengambilkira penghasilan sesuatu rancangan bagi mengatasi masalah yang wujud, pelaksanaan dan penilaian rancangan tersebut pada akhirnya.

Dalam konteks kajian ini, rancangan yang dimaksudkan ialah menghasilkan transparensi berkonsepkan peta minda (TBPM). TBPM yang telah siap dibina akan digunakan oleh pensyarah sebagai ABBM dalam proses P&P. Pada akhir kuliah, TBPM ini dinilai oleh pelajar yang memasuki kelas pensyarah yang menggunakan TBPM ini. Pengujian TBPM ini dilihat dari tiga aspek utama iaitu dari sudut persepsi pelajar terhadap penggunaan TBPM dalam proses pembelajaran itu sendiri, gaya persembahan isi kandungan TBPM dan pengaruh ke atas motivasi pelajar.

1.8 Kepentingan Kajian

Di harap kajian ini dapat:

- i) Membantu pensyarah dalam membina transperensi berkonsepkan peta minda sebagai salah satu ABBM dalam aktiviti pengajaran mereka.
- ii) Meningkatkan motivasi dan daya ingatan pelajar dalam memahami dan mengingat fakta-fakta yang terkandung dalam mata pelajaran Undang-undang Syarikat.
- iii) Mempengaruhi pelajar menggunakan peta minda sebagai satu kaedah untuk membantu mereka menyediakan nota dan mengingat isi pembelajaran.

1.9 Skop Kajian

Mata pelajaran yang dipilih ialah P420 Undang-undang Syarikat. Hanya satu sub topik sahaja dipilih iaitu Bab 1 Pengenalan Kepada Undang-undang Syarikat dari keseluruhan sub topik silibus mata pelajaran sasaran P420 Undang-undang Syarikat. Faktor pemilihan mata pelajaran ini adalah kerana mata pelajaran ini memerlukan pelajar memahami dan mengingat pelbagai seksyen yang berkaitan dengan pengurusan syarikat di samping kes-kes yang terlibat dengan seksyen tersebut.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini yang perlu penjelasan lebih lanjut bagi memahami kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah;

i) **Transparensi**

Menurut Norihan Abu Hassan (1997), transparensi adalah slaid besar yang digunakan bersama projektor paras atas (OHP) oleh seseorang penyampai yang berada pada kedudukan hadapan bilik cerah. Dalam kajian ini transparensi merujuk kepada slaid besar yang mengandungi isi pelajaran yang dipersembahkan dalam bentuk peta minda oleh pensyarah.

ii) **Peta Minda**

Menurut Tony Buzan (2002), peta minda adalah kunci utama untuk seseorang memantapkan daya ingatan yang rumit serta menguasai isi-isi penting sebuah buku. Jadi peta minda merupakan cara terpantas untuk membuat catatan atau mengambil nota untuk menguatkan dan mencetuskan kuasa daya ingatan seseorang. Dalam kajian ini peta minda merujuk kepada lakaran isi-isi pelajaran menggunakan kata kunci, gambaran/imej yang sesuai bagi mata pelajaran P420 Undang-undang Syarikat dalam bentuk-bentuk yang tertentu.

iii) **Motivasi**

Motivasi membawa maksud dorongan yang menyebabkan pelajar bertambah rajin, berminat dan bersemangat untuk belajar. Menurut Abdul Fatah Hassan (2002), motivasi merupakan idea dalaman atau emosi yang meningkat atau menurun untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat. Keller (1983)

RUJUKAN

Abdul Fatah Hasan. (2002). "Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran." Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Hadi Mohamad. Pengurusan grafik. Dicapai pada 23 Julai 2003.
<http://www.moe.gov.my/~mpbesut/akanadi2.htm>

Baharudin Aris, Noraffandy Yahya, Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir. (2000). "Teknologi Pendidikan: Dari Tradisi Kepada Terkini." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Biggs, J.B. & Tefler, R. (1987). "The Process of Learning." Sydney : Prentice-Hall.

Brinkmann, A. (2003). "Mind mapping as a tool in mathematics education."
Mathematics Teacher. 96(2). 96 - 101.

Burns, R.B. (2000). "Introduction to Research Methods". Australia : Longman.

Buzan, T. (2002). "How To Mind Map." London : Thorsons.

Chance, C.W. (1960). "Experimentation in the Adoption of the Overhead Projector Utilizing 200 Transparencies and 800 Overlays in Teaching Engineering Descriptive Curriculum." Washington : U.S. Office of Education.

- Farrand, P. (2002). "The efficacy of 'mind map' study technique." *Medical Education*. 36. 426 - 431.
- Fink, A. & Kosecoff, J. (1985). "How To Conduct Surveys." California : Sage Publications Inc.
- Good, B. (2002). "A call for creative teaching and learning." *Creative Nursing*. 8(4). 4-5.
- Goodnough, K. & Long, R. (2002). "Mind mapping: A graphic organizer for the pedagogical toolbox." *Science Scope*. 25(8). 20-24.
- Graziano, A.M. & Raulin, M. L. (2000). "Research Method". United State : Allyn and Bacon.
- Hogan, C. (1994). "Mind mapping: Some practical applications." *Training & Management Development Methods*. 8(1). 3-18.
- Ismail Zain. (2003). *Kepentingan penggunaan peta minda*. Dicapai pada 23 Julai 2003. <http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/petaminda1.htm>
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2000). "Pengenalan Kepada Multimedia." Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Lau, Too Kya & Zainudin Awang. (2001). "Statistik Asas UiTM." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lee, C. (1987). "Mind mapping : Brainstorming on paper." *Training*. 24(9). 71.
- Lendall, K. (1987). "Management by Menu." London : Wiley & Sons Inc.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.



Mohd. Nazri Haji Daros. (2003). "Kajian Penggunaan Modul Pembelajaran Elektronik Mata Pelajaran Pengurusan Penyeliaan (C523) Ke Atas Pelajar-pelajar Kursus Perkhidmatan Bangunan Polimas." KUiTTHO : Tesis Sarjana.

Mukerjea, D. (1996). *Surfing The Intellect*. Dicapai pada 23 Julai 2003.
<http://sabah.edu.my/mindmap/dmurkerjea.htm>.

Noraini Ahmad. (2003). "Menguatkan Ingatan." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Norihan Abu Hassan. (1997). "Perancangan, Penerbitan dan Penggunaan Media Pengajaran." Skudai : UTM.

Schloss, P.J. & Smith, M.A. (1999). "Conducting Research". New Jersey : Prentice-Hall Inc.

Steyn, T. & de Boer, A.L. (1998). "Mind Mapping As A Study Tool For Underprepared Students In Mathematics And Science." *South African Journal of Ethnology*. 21(3).

Unit Perkhidmatan Kaunseling Universiti Victoria (UPKUV). *Concept Mapping*. Dicapai pada 13 Ogos 2003. <http://www.coun.uvic.ca/index.html>.

Yusuf Hashim. (1993). "Transparensi Dalam Sistem Pengajaran." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yusup Hashim. (2002). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan". Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Wallen, N. E. & Fraenkel, J.R. (1991). "Education Research : A Guide To The Process." New York : Mc Graw Hill Inc.

Wilkinson, D. (2000). "The Researcher's Toolkit : The Complete Guide To Practitioner Research." London : Routledge Falmer.

Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu. (2003). "Analisis Data Berkomputer: SPSS 11.5 For Windows." Kuala Lumpur : Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH